

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa banyak bilangan majikan yang telah diambil tindakan akibat menghentikan pekerja-pekerja sejak Perintah Kawalan Pergerakan mula dikuatkuasakan dari tahun 2020 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa bertindak proaktif dalam membantu dan mengesan pekerja tempatan yang terlibat dengan pemberhentian pekerja yang disebabkan oleh pandemik COVID -19. Pada tahun 2020 sehingga Julai 2021, sebanyak 5,095 majikan memberhentikan seramai 141,191 pekerja di Semenanjung Malaysia. Manakala bagi negeri Sarawak, sebanyak 509 majikan terlibat dengan pemberhentian melibatkan seramai 8,996 orang pekerja dalam tempoh yang sama.

Di negeri Sabah pula, 355 majikan terlibat dalam pemberhentian seramai 5,706 pekerja dalam tempoh 2020 hingga September 2021 yang melibatkan sektor penginapan dan rangkaian perkhidmatan makanan serta minuman, sektor pembuatan, sektor pembinaan dan sektor pentadbiran dan khidmat sokongan.

KSM telah melaksanakan tindakan pemantauan secara rapi bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan. Bagi tujuan tersebut, majikan diwajibkan untuk melengkap dan mengemukakan Borang Pemberhentian (PK) dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tindakan pemberhentian dilakukan sebagaimana Seksyen 63, Akta Kerja 1955 [Akta 265].

Ini adalah bertujuan untuk:

- i) memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang dari segi pembayaran faedah penamatan kerja, notis penamatan dan lain-lain faedah kewangan;
- ii) memastikan majikan mengikut Garis Panduan Pemberhentian Pekerja yang dikeluarkan oleh Jabatan JTKSM dalam melaksanakan pemberhentian pekerja; dan

SOALAN NO : 54

- iii) membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang telah diberhentikan berdaftar dengan *MYFutureJobs* atau meningkatkan kemahiran baru melalui jabatan dan agensi di bawah Kementerian.

Majikan yang gagal mematuhi peruntukan undang-undang yang ada atau melanggar peruntukan di bawah akta, apabila sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap kesalahan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, sehingga kini tiada tindakan pendakwaan yang dibuat ke atas majikan kerana majikan yang memberhentikan pekerja mematuhi peruntukan di bawah seksyen ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi jaminan tidak akan mengambil tindakan terhadap warga asing tidak berdokumen atau kebenaran mereka berada di Malaysia telah tamat tempoh jika mereka keluar untuk mendapat suntikan vaksin COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mensasarkan sebanyak 80% daripada populasi di Malaysia termasuk individu bukan warganegara untuk diberikan vaksin COVID-19 bagi mencapai imuniti kelompok dan mendapatkan perlindungan optimum daripada jangkitan COVID-19. Pelaksanaan vaksinasi COVID-19 kepada penduduk di Malaysia adalah berdasarkan kepada hala tuju Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Invoasi melalui Pasukan Petugas Imunisasi COVID-19 (CITF).

Merujuk kepada strategi vaksinasi kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) di seluruh negara, Kerajaan telah bersetuju untuk untuk melaksanakan PICK-PATI melalui suatu prosedur operasi standard (SOP) yang diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 30 Julai 2021. Antara lain, Kerajaan bersetuju bahawa PATI perlu didokumen dan direkodkan maklumatnya berdasarkan kepada penguatkuasaan Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 10 Tahun 2001. Pekeliling ini menetapkan kewajipan pemberi perkhidmatan kesihatan untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa keselamatan tentang kehadiran PATI di premis kesihatan.

Selain itu, strategi kerjasama dengan agensi-agensi dan pusat swasta yang dibenarkan adalah amat penting bagi menggalakkan PATI untuk berdaftar secara sukarela untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19. Penglibatan agensi-agensi dan pusat swasta yang dibenarkan sebagai barisan hadapan yang berhubung dengan PATI didapati lebih efektif untuk berunding dan mendekati golongan berkenaan bagi membina kepercayaan (*trustworthiness building*) PATI terhadap PICK.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 [RABU]

SOALAN

minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

- a) status terkini pelaksanaan Program Pembiayaan Sewa untuk Milik (RTO) yang telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2021; dan
- b) jangka masa KPKT menggubal satu Akta Sewaan Kediaman dan model yang digunakan untuk menggubal akta ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Sewa untuk Milik (Rent-to-Own, RTO) yang diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2021 adalah inisiatif kolaborasi Kementerian Kewangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) bersama institusi kewangan terpilih bagi menawarkan skim pembiayaan perumahan alternatif kepada golongan M40.

Skim RTO ini dirancang untuk membantu mengurangkan beban kewangan rakyat yang ingin memiliki rumah semasa pemulihan daripada krisis COVID-19. Ianya ditawarkan kepada bakal pembeli yang tidak layak mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Pembeli mempunyai pilihan untuk menyewa selama 5 tahun dahulu dengan kadar sewa yang berpatutan sebelum membeli rumah tersebut. Dalam tempoh sewaan, bakal pembeli berpeluang untuk memperbaiki kedudukan kewangan mereka sehingga mereka boleh mendapatkan pinjaman bank di kemudian hari.

Skim RTO ini akan dibuka kepada pembeli rumah pertama untuk semua rumah PR1MA yang sedang dan telah siap dibina di seluruh negara. Pihak PR1MA kini sedang dalam peringkat perbincangan lanjut dengan Kementerian Kewangan dan institusi kewangan terpilih bagi memuktamadkan deraf perjanjian skim RTO. Skim RTO ini dijangka akan dilancarkan pada suku terakhir tahun 2021.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, kajian dan penggubalan Akta Sewaan Kediaman/ *Residential Tenancy Act* (RTA) telah bermula pada Jun 2019 selepas diluluskan menerusi Bajet 2019. Rang Undang-Undang (RUU) ini antara lain bertujuan untuk melindungi hak penyewa dan pemilik kediaman. Pada masa kini, perjanjian penyewaan kediaman disediakan menggunakan tatacara Akta Kontrak

NO. SOALAN : 57

1949. Dokumen tersebut bersifat umum dan tidak melindungi sepenuhnya kepentingan serta hak penyewa dan tuan rumah. Cadangan penggubalan RUU RTA telah pun dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Jun 2021.

Status terkini, KPKT sedang menyemak draf awal RUU RTA sebelum dihantar kepada Jabatan Peguam Peguam Negara (AGC) untuk kelulusan. Seterusnya, RUU Akta Sewaan Kediaman ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada sesi persidangan pertama tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah mengkaji undang-undang berkaitan dari Jerman, United Kingdom dan Australia serta *Rental Housing Act* dari Afrika Selatan. Rang Undang-Undang Akta Sewaan Kediaman yang dicadangkan ini adalah berdasarkan model *Residential Tenancies Act 2010 (New South Wales)* Australia kerana akta ini mempunyai undang-undang pembangunan perumahan dan sewaan kediaman yang lengkap dan mampu melindungi kepentingan pemilik kediaman dan penyewa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SU KEONG SIONG (KAMPAR)

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci jumlah permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A, 15(2) dan 19(1) Perlembagaan Malaysia yang tertangguh dan/atau belum dalam proses pertimbangan dari tarikh Mac 2020 sehingga Ogos 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A, 15(2) dan 19(1) Perlembagaan Persekutuan bagi 1 Mac 2020 hingga 25 Ogos 2021 adalah sebanyak 2,969 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,808 masih di dalam proses.